

20/09/2003

Malaysia hadapi cabaran lahirkan penuntut berkualiti

Zamzam Omar

MALAYSIA menghadapi cabaran melahirkan pelajar berkualiti tinggi kerana ia adalah asas dalam mewujudkan sebuah negara yang kuat dan maju, kata Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

"Kalau kita ada kuantiti pelajar yang besar tetapi tidak berkualiti, ia akan menggagalkan usaha untuk menjadi negara berjaya. Itulah cabaran besar yang kita hadapi kini.

"Malaysia mungkin sebuah negara kecil tetapi dengan kesungguhan melahirkan pelajar, pekerja dan seterusnya rakyat yang berkualiti, tidak hairan kita mampu menjadi kuat dan kuasa besar," katanya pada pertemuan dengan pelajar Malaysia yang menuntut di Jepun, baru-baru ini.

Beliau berada di Jepun bagi mengetuai misi pelaburan dan pelancongan kerajaan Selangor. Misi itu disertai pegawai tinggi kerajaan negeri, pengurusan kanan anak-anak syarikat kerajaan negeri serta ahli perniagaan. Pertemuan pertama diadakan di Osaka dan sebelum pulang ke Malaysia beliau bertemu pelajar Malaysia yang menuntut di Tokyo.

Dr Mohamad Khir memberi contoh, bagaimana sebuah negara kecil seperti Singapura berjaya menjadi kuasa ekonomi yang kuat dan mencapai kualiti tinggi, namun, kini, ia di ambang kegagalan berikutan rakyatnya gagal mengamalkan kualiti sedia ada.

Beliau juga mengingatkan pelajar Malaysia supaya menjadi orang yang bijak dan cerdik, bukan sekadar pandai.

"Kita ada ramai orang yang pandai tetapi tidak ramai yang bijak dan cerdik, dan itu yang kita perlukan untuk melahirkan sebuah negara maju. Apabila anda hanya pandai, tetapi tidak bijak dan cerdik, akan menyebabkan anda sering membuat keputusan yang bodoh dan silap.

"Anda juga jangan mengamalkan budaya kiasu, iaitu budaya takut gagal. Jika kita takut gagal, ia akan menyebabkan kita mundur. Ini yang mula berlaku kepada generasi muda Jepun, apabila gagal, mereka membunuh diri. Ia satu budaya yang mesti kita elakkan," katanya.

Sambil menyifatkan mereka yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Jepun sebagai pelajar berkualiti, Dr Mohamad Khir menasihatkan mereka agar tidak mensia-siakan peluang diberikan dengan belajar bersungguh-sungguh.

Beliau berkata, pelajar terbabit beruntung kerana selain meraih ilmu, mereka juga dapat belajar dan mengamalkan budaya orang Jepun seperti berdisiplin serta sentiasa menepati waktu.

"Budaya yang diamalkan rakyat Jepun ini terbukti mampu menjadikan mereka orang yang berjaya dan berkualiti. Ini seharusnya diterapkan pelajar dan menjadi amalan apabila pulang ke tanah air," katanya.

"Terbukti Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, amat baik dalam membantu kita mencapai matlamat dan kejayaan kita selama ini.

"Sehingga kini kita masih tercari-cari kualiti dan rahsia kejayaan Jepun. Dengan kelebihan yang kita ada, iaitu gabungan tiga kaum di Malaysia (Melayu, India dan Cina), sebenarnya kita mampu mencontohi orang Jepun dan seterusnya meletakkan negara kita sebagai negara maju," katanya.

Dr Mohamad Khir juga mengingatkan pelajar bahawa ciri seperti menghargai dan menjaga masa serta amalan disiplin yang tinggi adalah punca kepada kejayaan sesuatu bangsa dan negara.